BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No Ruj.: 05/15/06

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Jumaat, 15 Mei 2015

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2015

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia berkembang 5.6% pada suku pertama 2015

Aktiviti ekonomi global berkembang dengan momentum pertumbuhan yang berbeza-beza merentas ekonomi pada suku pertama 2015. Meskipun ekonomi Amerika Syarikat (AS) mencatat peningkatan yang lebih meluas, pemulihan ekonomi di kawasan euro dan Jepun adalah pada kadar yang lebih beransur-ansur. Di Asia, pertumbuhan disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus meningkat.



Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.6% pada suku pertama 2015 (S4 2014: 5.7%), disokong terutamanya oleh permintaan sektor swasta. Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama.

Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 1.2% (S4 2014: 1.8%).

Aktiviti sektor swasta kekal sebagai pendorong utama pertumbuhan pada suku pertama. Penggunaan swasta berkembang pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 8.8% (S4 2014: 7.6%), disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang stabil dan pertumbuhan upah yang lebih tinggi. Pertumbuhan penggunaan swasta yang kukuh juga disumbang oleh usaha bantuan banjir pada awal tahun, dan perbelanjaan isi rumah yang dipercepat sebelum pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST). Pelaburan swasta mencatat pertumbuhan sebanyak 11.7% (S4 2014: 11.1%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pertumbuhan penggunaan awam bertambah baik pada suku pertama (4.1%; S4 2014: 2.5%), disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan dalam keadaan pertumbuhan emolumen yang sederhana. Pelaburan awam kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 0.5% (S4 2014: -1.9%) berikutan perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan.

Dari segi penawaran, pertumbuhan pada suku pertama disokong oleh sektor ekonomi utama. Sektor perkhidmatan disokong oleh pertumbuhan dalam semua subsektor, khususnya subsektor berkaitan penggunaan. Pertumbuhan sektor perkilangan disokong oleh industri berorientasikan eksport yang mencatat prestasi lebih kukuh, khususnya kelompok elektronik dan keluaran elektrik. Sektor pembinaan disokong terutamanya oleh subsektor bukan kediaman dan kediaman, manakala sektor perlombongan terus mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh berikutan pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi. Sementara itu, sektor pertanian merosot akibat pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah, berikutan gangguan akibat banjir.

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat kadar purata yang jauh lebih rendah iaitu pada 0.7% pada suku pertama 2015 (S4 2014: 2.8%). Inflasi yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh penurunan harga dalam kategori pengangkutan (-7.6%; S4 2014: 4.8%), berikutan semakan ke bawah harga bahan api dalam negeri pada bulan Januari dan Februari berikutan harga minyak global yang lebih rendah.

Lebihan perdagangan berjumlah RM21.3 bilion pada suku pertama 2015 (S4 2014: RM21.5 bilion). Eksport kasar menguncup 2.5% (S4 2014: +0.5%), mencerminkan terutamanya kemerosotan pertumbuhan eksport komoditi dan eksport perkilangan berasaskan sumber, berikutan harga komoditi yang lebih rendah. Import kasar menurun untuk mencatat pertumbuhan kecil sebanyak 0.2% (S4 2014: 4.6%)

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah RM389.7 bilion (bersamaan dengan USD105.1 bilion) pada 31 Mac 2015. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 30 April 2015, kedudukan rizab berjumlah RM392.4 bilion (bersamaan dengan USD105.8 bilion), memadai untuk membiayai 8.0 bulan import tertangguh dan ialah 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) dalam mesyuaratnya telah memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada suku pertama 2015. Pada paras semasa OPR ini, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi. Berikutan OPR yang tidak berubah, kadar antara bank semalaman purata secara relatif stabil pada suku itu. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lebih panjang terus meningkat pada bulan Januari, tetapi kemudiannya menjadi sederhana apabila tekanan pendanaan reda susulan pengumuman BNM pada 30 Januari 2015 untuk memudahkan peralihan kepada pelaksanaan sepenuhnya Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) menjelang tahun 2019. Bagi suku pertama secara keseluruhannya, kadar 3 bulan KLIBOR menurun daripada 3.86% kepada 3.73%. Dari segi kadar runcit, kedua-dua kos deposit dan peminjaman kepada ekonomi adalah pada amnya stabil sepanjang suku itu. Pada 2 Januari 2015, Kadar Asas (Base Rate, BR) menggantikan kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) sebagai kadar rujukan utama untuk kemudahan pinjaman dan pembiayaan runcit kadar terapung yang baharu. Selepas diperkenalkan, kadar purata BR bank-bank adalah pada 3.90%, yang kekal sehingga 31 Mac 2015.

Agregat monetari terus berkembang pada suku pertama. Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM35.9 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.9% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2014: 7.0%). Peningkatan M3 pada suku itu didorong terutamanya oleh pemberian kredit yang terus berkembang kepada sektor swasta oleh sistem perbankan dan aset asing bersih yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, peningkatan wang secara luas diimbangi sebahagiannya oleh tuntutan bersih yang lebih rendah terhadap Kerajaan. Dalam sistem perbankan, keadaan mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di BNM adalah lebih rendah sedikit pada suku itu disebabkan oleh aliran keluar sektor luaran.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM282.5 bilion (S4 2014: RM309.8 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang

swasta (Private debt Securities, PDS) terkumpul berkembang 8.3% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2014: 8.8%). Pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan pada suku pertama kekal kukuh, dengan paras kredit lebih tinggi diberikan terutamanya kepada sektor *kewangan, insurans* dan *perkhidmatan perniagaan; perlombongan* dan *kuari;* serta *pendidikan, kesihatan* dan *lain-lain* pada asas tahunan. Khususnya, pembiayaan untuk PKS terus teguh, dengan pinjaman PKS terkumpul berkembang 17.2% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2014: 14.0%). Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul kekal stabil pada 9.8% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2014: 9.9%). Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal menjadi sederhana kepada RM 21.0 bilion pada suku pertama (S4 2014: RM26.4 bilion).

Ringgit dan mata wang serantau lain terus mengalami turun naik pada suku pertama disebabkan oleh keadaan monetari global yang tidak menentu, lantas menyebabkan aliran keluar pelaburan portfolio. Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 6.0% berbanding dengan dolar AS pada suku itu. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan euro (5.9%) dan dolar Australia (1.2%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-1.0%), dan yen Jepun (-5.3%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai antara 1.0% hingga 7.0%.

Antara 1 April hingga 13 Mei 2015, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 3.1%. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (2.8%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro (-0.9%), dolar Australia (-1.5%) dan paun sterling (-2.8%). Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau.

Kestabilan kewangan dalam negeri terus terpelihara

Daya tahan sistem kewangan kekal utuh dalam keadaan pasaran kewangan dan komoditi yang terus tidak menentu pada suku itu. Aktiviti pengantaraan kewangan disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan mudah tunai domestik yang lebih daripada mencukupi. Kestabilan sistem kewangan domestik dijangka berterusan dan keadaan ini akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang mampan.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier 1, CET1), nisbah modal kumpulan 1, dan nisbah jumlah modal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12.5%, 13.2% dan 15.2%. Lebih 80% daripada jumlah modal bank-bank terdiri daripada modal berkualiti tinggi yang terdiri daripada perolehan tertahan, modal berbayar dan rizab. Jumlah lebihan penampan modal bank-bank kekal melebihi RM90 bilion. Nisbah kecukupan modal sektor

insurans juga kekal kukuh pada 246.5% (S4 2014: 252.1%) dengan lebihan penampan modal sebanyak RM30.1 bilion.

Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan

Melangkah ke hadapan, ekonomi global dijangka terus mencatat kadar pertumbuhan yang sederhana, tetapi dengan momentum pertumbuhan yang berbeza-beza merentas ekonomi utama. Meskipun harga minyak yang lebih rendah dijangka memberikan kesan yang berbeza-beza terhadap ekonomi, pertumbuhan global secara keseluruhannya dijangka memperoleh manfaat daripada perkembangan ini. Risiko prospek pertumbuhan menjadi lebih perlahan masih wujud, ekoran kelembapan permintaan dalam negeri yang berpanjangan dan inflasi yang rendah dalam beberapa ekonomi utama, kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan beberapa ekonomi sedang pesat membangun yang merupakan pengeksport komoditi bersih, dan ketegangan geopolitik yang tercetus semula, yang boleh meningkatkan turun naik pasaran kewangan.

Ekonomi Malaysia berada pada landasan pertumbuhan yang stabil. Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan dalam keadaan harga minyak yang lebih rendah. Aktiviti pelaburan dijangka kekal berdaya tahan dengan perbelanjaan modal yang berterusan oleh sektor swasta dan awam. Walaupun penggunaan swasta dijangka menjadi sederhana apabila isi rumah membuat penyelarasan terhadap pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), peningkatan pendapatan yang kukuh dan keadaan pasaran pekerja yang stabil akan menyokong perbelanjaan isi rumah. Meskipun pemulihan pertumbuhan global kekal sederhana, ia akan memberikan sokongan kepada eksport perkilangan, walaupun harga komoditi yang lebih rendah dijangka memberikan kesan kepada eksport secara keseluruhan.

Bank Negara Malaysia
15 Mei 2015

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2014 (%)	2014			2015
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Pertanian	9.2	2.6	-3.7	2.1	-4.7
Perlombongan	9.0	-0.1	9.5	3.3	9.6
Perkilangan	23.0	7.0	5.4	6.2	5.6
Pembinaan	4.3	19.3	8.8	11.8	9.7
Perkhidmatan	53.5	6.7	6.6	6.5	6.4
KDNK Benar	**100.0**[1]	**6.3**	**5.7**	**6.0**	**5.6**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.4**	**1.8**	**t.d.**	**1.2**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2014 (%)	2014			2015
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri					
Agregat (tidak termasuk stok)	91.5	7.6	5.7	5.9	7.9
Sektor swasta	68.5	8.9	8.3	7.9	9.6
Penggunaan	*51.8*	*7.0*	*7.6*	*7.0*	*8.8*
Pelaburan	*16.6*	*14.9*	*11.1*	*11.0*	*11.7*
Sektor awam	23.0	3.6	0.6	0.4	2.5
Penggunaan	*13.6*	*12.2*	*2.5*	*4.4*	*4.1*
Pelaburan	*9.5*	*-6.3*	*-1.9*	*-4.7*	*0.5*
Eksport Bersih	9.3	8.2	-4.0	12.8	-10.2
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*76.1*	*7.9*	*1.9*	*5.1*	*-0.6*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*66.8*	*7.8*	*2.6*	*4.2*	*1.0*
KDNK	**100.0**	**6.3**	**5.7**	**6.0**	**5.6**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.4**	**1.8**	**-**	**1.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia